

# PPIB wujudkan Laman Ilmu dan Laman Ceria UMS

OLEH MARRYAN RAZAN  
(marryan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) mewujudkan Laman Ilmu dan Laman Ceria bagi merealisasikan konsep Kampus Ceria Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampang berharap warga kampus itu dapat memanfaatkan padang golf mini yang diwujudkan di Laman Ceria untuk mengisi masa lapang.

"Laman ilmu yang tenang dan memiliki galeri pameran pelbagai bahan penerbitan amat sesuai untuk membuat imbasan intelek manakala laman ceria yang memiliki padang golf dan gelanggang permainan perlu digunakan untuk beriadah menyegarkan minda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan dua laman itu di kampus UMS, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu Dekan PPIB, Prof. Madya Dr Ismail Ali berkata, Laman Ilmu yang terletak di foyer PPIB bertujuan memberikan persekitaran yang selesa kepada para pelajar untuk berbincang dan membaca secara santai.

"Laman itu memiliki galeri pameran buku-buku hasil kajian kalangan tenaga akademik PPIB, skrin televisyen yang memaparkan pelbagai dokumentari, gam-

bar-gambar kegiatan akademik serta ruang legar untuk warga kampus berinteraksi dan duduk.

"Manakala Laman Ceria pula mempunyai padang golf mini, gelanggang bola tampar dan sepak takraw bagi memberikan ruang kepada seluruh warga UMS sama ada kakitangan atau pelajar melibatkan diri dalam kegiatan sukan khususnya pada waktu petang," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj Mohd Said, Ketua Pustakawan Dg Rukiah Ag Amit, Pengarah UMSKAL, Prof Dr Shariff A.K Omang, Dekan SSS Prof Madya Hj Inon Shaharuddin Abd Rahman, Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), Prof Madya Dr Rosalam Hj Sarbatly, Dekan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan, Prof Madya Dr Sharifudin Md Shaarani dan Dekan Sekolah Pertanian Lestari, Prof Madya Dr Mahmud Sudin.

Padang Golf Mini PPIB (PMGC) dalam halaman seluas kira-kira 0.5 ekar direka khas menggunakan konsep Chip & Put 18-lubang pada Julai 2011 dan siap sebulan kemudian dengan anggaran kos termasuk peralatan kira-kira RM2,000.

Dr Dayu Sansalu yang mengetuai jawatankuasa penyediaan PMGC berkata, padang itu 90 peratus memiliki ciri-ciri layout dengan padang golf sebenar di mana tanda-tanda bagi indeks, jarak, out-



SAIN ...  
Kamaruzaman menurunkan tandatangan pada plak sebagai simbolik perasmian padang golf mini PPIB.



RASMI ... Kamaruzaman memotong reben sebagai tanda perasmian padang mini golf.

bound (OB) dan hazard diletakkan serta menggunakan rumput biasa.

Setelah PMGC siap sedia digunakan, kursus diberikan kepada warga PPIB men-

genai teknik, peraturan dan peralatan permainan golf.

Kejohanan golf tertutup UMS turut diadakan sempena perasmian PMGC itu.